



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN ANTARA ASET PERKEMBANGAN DAN KESYUKURAN
DENGAN KEPUASAN HIDUP REMAJA MELAYU DI SEMENANJUNG
MALAYSIA***

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM

FEM 2016 3



**PERKAITAN ANTARA ASET PERKEMBANGAN DAN KESYUKURAN
DENGAN KEPUASAN HIDUP REMAJA MELAYU DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

Oleh

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sains**

April 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan kepada:

Inspirasi hidup ku Pn. Jolina Peter dan En. Abdul Rahim Bulat di atas cinta, kasih-sayang, kesabaran, sokongan dan penghargaan yang kamu berikan kepadaku.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains

**PERKAITAN ANTARA ASET PERKEMBANGAN DAN KESYUKURAN
DENGAN KEPUASAN HIDUP REMAJA MELAYU DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

Oleh

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM

April 2016

Pengerusi : Siti Nor Yaacob, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara aset perkembangan, kesyukuran dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Kajian ini telah dijalankan di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Johor, Kelantan dan Kedah. Kaedah persampelan kebarangkalian berkadar dengan saiz (PPS) telah digunakan untuk memilih 739 orang pelajar Melayu berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Aset Perkembangan remaja diukur menggunakan *Developmental Assets Profile* (Search Institute, 2005). Kesyukuran diukur menggunakan *The Gratitude Questionnaire-Six Item Form* (McCullough, Emmons, & Tsang, 2001), dan kepuasan hidup diukur menggunakan *Student Life Satisfaction Scale* (Huebner, 1991).

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for The Social Science* (SPSS). Korelasi Pearson, ujian-t, dan analisis regresi berganda telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kajian mendapati 56.7% remaja mempunyai tahap kepuasan hidup yang Rendah. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat perkaitan positif yang signifikan antara hubungan aset perkembangan dan kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu. Ujian regresi berganda mendapati bahawa aset keluarga ($\beta = .181, p = <0.05$) dan kesyukuran ($\beta = .119, p = <0.01$) adalah faktor peramal signifikan kepuasan hidup remaja Melayu.

Kajian juga mendapati kesyukuran ($z = 5.136, p < .01$) mempunyai kesan pengantaraan separa bagi perkaitan antara aset perkembangan dengan kepuasan hidup remaja Melayu. Hasil kajian merumuskan aset perkembangan dan kesyukuran menyumbang terhadap kepuasan hidup remaja Melayu, manakala kesyukuran mempunyai kesan pengantaraan separa bagi perkaitan di antara aset perkembangan dengan kepuasan hidup. Kesimpulannya, remaja Melayu harus didedahkan dengan nilai-nilai aset perkembangan dan kesyukuran kerana faktor ini menyumbang dalam meningkatkan tahap kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu bersekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN DEVELOPMENTAL ASSETS, GRATITUDE
AND LIFE SATISFACTION AMONG MALAY ADOLESCENTS IN
PENINSULAR MALAYSIA**

By

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM

April 2016

Chairman : Siti Nor Yaacob, PhD
Faculty : Human Ecology

This study determined the association between developmental assets, gratitude and life satisfaction among Malay adolescents in Peninsular Malaysia. The study was conducted in four states in Peninsular Malaysia which is Selangor, Johor, Kelantan and Kedah. The Probability Proportionate to Size (PPS) technique was utilized in selecting 739 Malays students aged between 13 until 17 years old. Data for the study were collected via self-administered questionnaire.

Adolescent's developmental asset was measured using Developmental Assets Profile (Search Institute, 2005). While gratitude was measured using The Gratitude Questionnaire-Six Item Form (McCullough, Emmons, & Tsang, 2001) and life satisfaction was measured using Student Life Satisfaction Scale (Huebner, 1991).

Data collected were analyzed using the *Statistical Package for The Social Science* (SPSS). Pearson's correlation, t-test, and standardized multiple regressions were used to test the hypotheses of the study. Result showed that 56.7% of the adolescents were in low level of life satisfaction. Pearson correlation analysis indicated that there was a positive relationship between developmental assets and gratitude with Malay adolescent's life satisfaction. Multiple regression analysis indicated family assets ($\beta = .181, p = < 0.05$) and gratitude ($\beta = .119, p = < 0.01$) were significant predictors of life satisfaction.

The finding also showed that gratitude ($z = 5.136, p < .01$) partially mediated the relationship between development assets and Malay adolescent's life satisfaction. This study concludes that developmental assets and gratitude contributed to Malay adolescent's life satisfaction, while gratitude mediated the relationship between developmental assets and life satisfaction. As conclusion, Malay adolescents should be exposed to the values of developmental assets and gratitude since this factors contributed in increasing level of life satisfaction among school going Malay adolescents.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah... alhamdulillah...alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah berkat dan izinnya maka tesis ini telah dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih diucapkan kepada mentor/supervisor/penasihat saya Dr. Siti Nor Yaacob yang telah banyak mengajar, membantu, membimbing, memberi nasihat dan memberi semangat kepada saya dalam menyempurnakan dokumentasi tesis ini. Tidak terungkup segala jasa dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau sepanjang menyelia perkembangan tesis saya, Terima kasih Dr.Siti. Tidak dilupakan Dr. Rumaya Juhari sebagai co-supervisor saya yang sentiasa menyuntik kata-kata semangat dikala diri dalam kelalaian. Jutaan terima kasih saya ucapkan di atas segala tunjuk ajar dan kata-kata semangat yang diberikan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang tidak terhitung kepada insan yang banyak berkorban dan berbakti kepada saya iaitu kedua ibu bapa saya yang banyak menyokong dan memberi semangat kepada saya, di saat saya ingin mengalah dan berputus asa. Terima kasih atas kesabaran dan kecekalan hati kamu berdua. Berkat doa dan semangat yang tidak putus-putus diberikan maka akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan tesis ini. Terima kasih ma, terima kasih pa. Tidak dilupakan adik-beradik serta suami saya yang sentiasa memberikan semangat kepada saya agar terus berusaha menghabiskan pengajian saya terutama sekali abang Zuki dan Uncle Joy. *"Thanks for always being there"*.

Tidak ketinggalan saya turut merakamkan penghargaan dan rasa terhutang budi kepada sahabat dan rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang pengajian saya sebagai pelajar di UPM. Nurhilmiyani Ismail, Nabila Shaera, Noradila, dan Siti Zakiah terima kasih di atas perkongsian persahabatan yang banyak mengajar saya erti kehidupan yang menjadikan saya lebih matang dan berdikari. Tan Soon Aun, Kak Aini Aziqa dan Kak Azzah Sabrina terima kasih atas segala tunjuk ajar dan bantuan akademik yang diberikan kepada saya. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang membantu saya secara tidak langsung dalam menyiapkan thesis ini. Terima kasih yang tidak terhitung.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Siti Nor Yaacob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rumaya Juhari, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Marnizah Binti Abdul Rahim , GS33075

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bahawa seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
	ABTRACT	i
	ABSTRAK	ii
	PENGHARGAAN	iii
	PENGESAHAN	iv
	PENGAKUAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB		
1	PENDAHULUAN	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
	1.3.1 Objektif Am	5
	1.3.2 Objektif Khusus	5
1.4	Hipotesis Kajian	5
	1.4.1 Objektif 2: Menentukan perbezaan kepuasan hidup, aset perkembangan	6
	1.4.2 Objektif 3: Menentukan perkaitan antara aset perkembangan	6
	1.4.3 Objektif 4: Menentukan peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.	7
	1.4.4 Objektif 5: Memeriksa peranan kesyukuran sebagai pengantara terhadap perkaitan antara aset perkembangan dan kepuasan hidup	7
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Definisi Istilah	7
	1.6.1 Kepuasan Hidup	7
	1.6.2 Aset Perkembangan	7
	1.6.3 Aset Personal	9
	1.6.4 Aset Sosial	9
	1.6.5 Aset Keluarga	10
	1.6.6 Aset Sekolah	10
	1.6.7 Aset Komuniti	10
	1.6.8 Kesyukuran	11
1.7	Latar Belakang Teori Kajian	11
	1.7.1 Lindstrom Universal Quality of Life Model (1993)	11
	1.7.2 Teori Broaden-and-Build Positive Emotion (2001)	11
	1.7.3 Aplikasi Model dan Teori Dalam Kajian Semasa	12
1.8	Kerangka Kerja Konseptual	14
1.9	Rumusan	15

2	TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Perkembangan Remaja	16
2.2	Kepuasan Hidup	17
2.3	Ciri-ciri Demografi Sosial dan Kepuasan Hidup	22
2.4	Peranan Faktor Jantina	23
2.4.1	Perbezaan Kepuasan Hidup Antara Remaja Lelaki dan Perempuan	23
2.4.2	Perbezaan Aset Perkembangan Antara Remaja Lelaki dan Perempuan	24
2.4.3	Perbezaan Kesyukuran Antara Remaja Lelaki dan Perempuan	25
2.5	Aset Perkembangan dan Kepuasan Hidup	26
2.5.1	Aset Personal dan Kepuasan Hidup	28
2.5.2	Aset Sosial dan Kepuasan Hidup	29
2.5.3	Aset Keluarga dan Kepuasan Hidup	31
2.5.4	Aset Sekolah dan Kepuasan Hidup	32
2.5.5	Aset Komuniti dan Kepuasan Hidup	34
2.6	Aset Perkembangan dan Kesyukuran	36
2.7	Kesyukuran dan Kepuasan Hidup	37
2.8	Kesyukuran Sebagai Pembolehubah Pengantara	40
2.9	Jurang Kajian	41
2.10	Kesimpulan	42
3	METODOLOGI	
3.1	Reka Bentuk Kajian	43
3.2	Lokasi Kajian	43
3.3	Sampel Kajian	46
3.4	Kaedah Persampelan	46
3.5	Pengumpulan Data	51
3.6	Pengukuran Pembolehubah	52
3.6.1	Kepuasan Hidup	52
3.6.2	Aset Perkembangan	52
3.6.3	Kesyukuran	56
3.6.4	Latar Belakang Personal, Ibu Bapa dan Keluarga	57
3.7	Kajian Rintis	57
3.8	Analisis Data	58
3.9	Rumusan	59
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Maklumat Latar Belakang Remaja dan Keluarga	61
4.2	Maklumat Diskriptif Pembolehubah Utama Kajian	63
4.2.1	Kepuasan Hidup	63
4.2.2	Aset Perkembangan	64
4.2.3	Kesyukuran	66
4.3	Perbezaan Skor pembolehubah Utama Antara Jantina	67
4.4	Perkaitan Antara Aset Perkembangan (Aset Perkembangan Keseluruhan dan Sub-Konteks Aset) dan Kesyukuran Dengan Kepuasan Hidup Remaja Di Semenanjung Malaysia	69
4.5	Peramal Unik Kepuasan Hidup Remaja Di	74

4.6	Semenanjung Malaysia Kesyukuran Sebagai Pengantara Terhadap Perkaitan Antara Aset Perkembangan (Aset Perkembangan Keseluruhan dan Sub-Konteks Aset) dan Kepuasan Hidup	79
4.7	Kesimpulan	90
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	95
5.2	Kesimpulan	99
5.3	Implikasi Kajian	100
	5.3.1 Implikasi Teoritikal	100
	5.3.2 Implikasi Praktikal	101
5.4	Limitasi dan Cadangan Kajian	102
	RUJUKAN	105
	LAMPIRAN	122
	BIODATA PELAJAR	150
	SENARAI PENERBITAN	151

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Jumlah Saiz Populasi Sampel Mengikut Negeri	48
3.2 Jadual Selang Sampel Mengikut Negeri	50
3.3 Jenis Pemarkahan <i>Developmental Assets Profile</i> (DAP)	53
3.4 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> bagi skala pengukuran Kajian Rintis dan Sebenar	58
3.5 Normaliti data berdasarkan nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	59
4.1 Latar Belakang Remaja	62
4.2 Latar Belakang Ibu Bapa Remaja	63
4.3 Tahap Kepuasan Hidup Remaja Melayu	64
4.4 Tahap Aset Perkembangan dan Sub-Konteks Aset Personal, Sosial, Keluarga, Sekolah dan Komuniti	66
4.5 Tahap Kesyukuran Remaja	67
4.6 Perbezaan pembolehubah kepuasan hidup, aset perkembangan dan kesyukuran mengikut jantina	69
4.7 Korelasi <i>Pearson</i> Pembolehubah Utama Kajian	73
4.8 Peramal Unik Kepuasan Hidup Remaja Melayu Melibatkan Sub-Konteks Aset	77
4.9 Peramal Unik Kepuasan Hidup Remaja Melayu Melibatkan Aset Perkembangan Keseluruhan	79
4.10 Kesan Pengantaraan Kesyukuran terhadap Perkaitan di antara Aset Perkembangan Keseluruhan dan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	81
4.11 Kesan Pengantara Kesyukuran terhadap Perkaitan di Antara Aset Personal dengan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	84
4.12 Kesan Pengantara Kesyukuran terhadap Perkaitan di Antara Aset Sosial dengan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	85
4.13 Kesan Pengantara Kesyukuran terhadap Perkaitan Aset Keluarga dengan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	86
4.14 Kesan Pengantara Kesyukuran terhadap Perkaitan Antara Aset Sekolah dengan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	88
4.15 Kesan Pengantara Kesyukuran terhadap Perkaitan Antara Aset Komuniti dengan Kepuasan Hidup Remaja Melayu	89
4.16 Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis	91

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	<i>Lindstrom Universal Quality of Life Model</i> (1993)	12
2	Adaptasi Kerangka Teoritikai berdasarkan <i>Lindstrom Universal Quality of Life Model</i> dan Teori <i>Broaden-and-Build Positive Emotion</i> Fredrickson.	13
3	Kerangka konseptual kajian “ Perkaitan antara aset perkembangan dan kesyukuran dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.	14
4	Kerangka Kerja Persampelan bagi Kajian “Perkaitan antara Aset Perkembangan, Kesyukuran dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Remaja Melayu di Semenanjung Malaysia”.	45
5	Kerangka rentas permohonan menjalankan kajian	51
6	Model teoritikai kesan pengantaraan bagi pembolehubah bebas, pembolehubah bersandar dan pembolehubah pengantara	80
7	Model 1: Kesan pengantaraan kesyukuran terhadap perkaitan di antara aset perkembangan keseluruhan dan kepuasan hidup.	82
8	Model 2: Kesan pengantaraan kesyukuran terhadap perkaitan di antara aset personal dan kepuasan hidup.	83
9	Model 3: Kesan pengantaraan kesyukuran terhadap perkaitan di antara aset sosial dan kepuasan hidup.	85
10	Model 4: Kesan pengantaraan kesyukuran terhadap perkaitan di antara aset sekolah dan kepuasan hidup.	88
11	Model 5: Kesan pengantaraan kesyukuran terhadap perkaitan di antara aset komuniti dan kepuasan hidup.	90

SENARAI SINGKATAN

CEM	<i>Community Engagement Model</i>
DAP	<i>Developmental Assets Profile</i>
FRGS	<i>Fundamental Research Grants Scheme</i>
GQ-6	<i>The Gratitude Questionnaire Six Item Form</i>
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
B	Bandar
LB	Luar Bandar
Mak	Maksimum
Min	Minimum
N	Sampel Kajian
MSLSS	<i>Multidimensional Student Life Satisfaction Scale</i>
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPS	<i>Probability Proportionate to Size</i>
SP	Sisihan Piawai
SE	<i>Standard Error</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SES	Sosial Ekonomi Status
SLSS	<i>Student Life Satisfaction Scale</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
SWLS	<i>Satisfaction with life scale</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Peringkat remaja adalah satu tahap transisi daripada peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa. Remaja di peringkat transisi perlu membuat pelbagai penyesuaian dan menyelesaikan tugas perkembangan yang signifikan daripada segi fizikal, biologi, intelektual, dan psikologi (Erikson, 1968; Gutman, Brown, Akerman, & Oblenskaya, 2010; Cakar, 2012). Penyelesaian tugas perkembangan adalah asas kepada pembentukan identiti diri remaja dan juga sebagai persediaan menjadi dewasa. Remaja yang gagal membentuk identiti diri cenderung menunjukkan tingkah laku disfungsi yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup. Tingkah laku ketidakfungsian eksternal dan internal dalam kalangan remaja didapati mempunyai perkaitan signifikan dengan kepuasan hidup mereka (Antaramian, Huebner, & Vallois, 2008; Carvalho & Schumaker, 2012). Remaja yang terlibat dengan masalah salah laku dan mengalami ketidakstabilan emosi melaporkan kepuasan hidup yang rendah.

Fenomena salah laku yang membabitkan golongan remaja terutamanya remaja berbangsa Melayu dilaporkan sebagai semakin meruncing. Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014) menunjukkan kes salah-laku melibatkan kanak-kanak (10 hingga 18 tahun) Melayu sahaja meningkat daripada 4, 357 kes pada tahun 2011 kepada 4, 367 pada tahun 2012. Meskipun menurun pada tahun 2013 dan 2014 kepada 3, 907 dan 3, 504 kes, namun statistik terkini sehingga Mac 2015 melaporkan sudah mencatat sebanyak 766 kes. Malahan peningkatan kes salah laku ini juga selaras dengan laporan peningkatan kes yang melibatkan masalah mental seperti tekanan perasaan, stres, kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan remaja (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014). Keadaan ini mungkin menggambarkan tahap kepuasan hidup yang rendah dalam kalangan remaja pada masa kini. Hal ini kerana tahap kepuasan hidup yang rendah mempunyai perkaitan signifikan yang negatif dengan masalah ketidakfungsian internal dan eksternal (Carvalho & Schumaker, 2012).

Kepuasan hidup merujuk kepada penilaian personal secara kognitif yang mengambil kira kriteria tertentu yang dimiliki dalam kehidupan (Pavot & Diener, 1993; Dew & Huebner, 1994). Kepuasan hidup juga ditafsir sebagai satu kekuatan psikologi yang penting dalam menggalakkan perkembangan positif dalam kalangan remaja (Huebner, 1991). Kepuasan hidup menyumbang kepada pelbagai aspek perkembangan positif remaja termasuk tingkah laku dan personaliti (Suldo & Huebner, 2006). Remaja yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi didapati mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, lebih optimistik, memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang, dan mempunyai daya tahan yang tinggi (Haranin, Huebner, & Suldo, 2007; Martin, Huebner, & Valois, 2008).

Kepuasan hidup juga didapati dapat mengukuhkan kecekapan interpersonal (sosial, emosi, tingkah laku dan kognitif) dan mengurangkan stres, tekanan perasaan dan juga ketidakstabilan emosi dalam golongan remaja (Steinberg, 2005; Fergus & Zimmerman, 2005; Martin, Huebner, & Valois, 2008). Dapatan kajian terdahulu yang disebutkan di atas memberi gambaran peri pentingnya kepuasan hidup sebagai penggalak perkembangan positif dan pelindung kepada tingkah laku disfungsi dalam kalangan remaja.

Kepuasan hidup dipengaruhi oleh konteks eksternal dan internal (Huebner, Drane, & Valois, 2000). Konteks eksternal adalah faktor persekitaran remaja seperti keluarga, status ekonomi dan sosial ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya (Ash & Huebner, 2001; Huebner, Funk, & Gilman, 2000). Konteks internal merujuk kepada kekuatan psikologikal dan tingkah laku individu seperti harga diri, optimistik, dan mempunyai keazaman yang tinggi (Search Institute, 2005). Kedua-dua faktor ini adalah saling berkaitan dan merupakan aspek penting dalam perkembangan remaja, di mana ketidakseimbangan salah satu faktor tersebut akan mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan remaja terutamanya perkembangan sosial dan emosi (Antaramian, Huebner, & Valois, 2008).

Kualiti konteks eksternal dan internal dianggap sebagai aset perkembangan yang penting kepada kesejahteraan hidup remaja. Aset perkembangan seperti aset personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti mampu membentuk sikap positif dalam diri remaja dan turut mempengaruhi penilaian mereka terhadap kepuasan hidup (Sun & Shek, 2012; Valois, Keith, Zullig, Huebner, & Drane, 2009; MacKay, 2007; Scales, Leffert, & Vraa, 2003; Scales, 1999). Aset perkembangan telah diteliti sebagai faktor peramal yang mampu menyumbang kepada peningkatan tahap kepuasan hidup remaja (Leffert, Saito, Blyth, & Kroenke, 1996; Leffert, Benson, Scales, Sharma, Drake, & Blyth, 1998). Remaja yang mempunyai kurang aset perkembangan lebih cenderung menunjukkan ciri-ciri negatif dan tahap kepuasan hidup yang rendah (Search Institute, 2005).

Selain aset perkembangan, kesyukuran juga adalah antara faktor yang dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja (Watkins, Woodward, Stone, & Kolts, 2003; McCullough, Emmons, & Tsang, 2002). Kesyukuran merupakan tingkah laku yang ditunjukkan secara verbal ataupun bukan verbal sebagai tanda penghargaan terhadap sesuatu perkara (Emmons & McCullough, 2003). Kesyukuran dikenalpasti sebagai satu trait positif yang menyumbang kepada peningkatan persepsi terhadap kualiti kepuasan hidup (Watkins, Woodward, Stone, & Kolts, 2003). Remaja yang mempunyai sikap penghargaan dan kesyukuran yang tinggi juga mempunyai skor kepuasan hidup semasa yang tinggi jika dibandingkan dengan remaja yang memperoleh skor kesyukuran yang rendah (Emmons & McCullough, 2003).

Kepuasan hidup merupakan satu faktor penting dalam meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup remaja seterusnya membantu dalam pencapaian perkembangan positif dan mengurangkan gejala salah laku dan masalah mental dalam kalangan remaja (Huebner, Funk, & Gilman, 2000; McKnight, Huebner, & Gilman, 2002; Suldo & Huebner, 2006; Huebner, Drane, & Valois, 2000; Eryilmaz, 2011). Sehubungan dengan itu, secara umumnya kajian ini bermatlamat untuk meneliti peranan aset perkembangan dan kesyukuran terhadap kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Majoriti (63%) daripada remaja yang dilaporkan terlibat dengan jenayah salah laku pada tahun 2014 adalah remaja yang berbangsa Melayu (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014). Statistik JKM (2014) turut melaporkan bahawa remaja Melayu merupakan penyumbang utama kepada kes jenayah salah laku yang dilaporkan setiap tahun malah remaja Melayu juga mendahului remaja bangsa lain bagi kes juvana dan masalah psikologikal. Remaja Melayu juga dilaporkan lebih cenderung mengalami tekanan perasaan, stres dan kemurungan berbanding remaja bangsa lain (Intan Hasimah, 2007; Abdullah Sani, 2004). Remaja Melayu juga dianggap berada pada tahap 'amaran' bagi masalah tingkah laku seperti devian, agresi, buli, vandalisme dan delinkuen (Ahmad Kilani, Mohd Ismail, Azhar, Siti Norlina, & Normala, 2003). Selain itu, remaja Melayu turut terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan merokok diusia seawal 12 tahun (Badruzaman, 2006).

Masalah tingkah laku dan sosial yang dinyatakan mungkin menggambarkan tahap kepuasan hidup yang rendah dalam kalangan remaja Melayu. Pendirian ini adalah bersandarkan dapatan kajian yang menunjukkan remaja yang terlibat dengan salah laku dan ketidakfungsian mempunyai tahap kepuasan hidup yang rendah (Antaramian et al., 2008). Manakala, kajian Muhamad (2009) yang melibatkan remaja Melayu sahaja turut melaporkan golongan ini mempunyai persepsi kesejahteraan subjektif yang rendah jika dibandingkan dengan remaja di negara Barat.

Kajian jangka masa panjang mendapati kepuasan hidup juga dilaporkan mempunyai perkaitan negatif dengan masalah tingkah laku dalam kalangan belia Malaysia, di mana belia yang mempunyai kepuasan hidup yang rendah dilaporkan mempunyai kecenderungan yang tinggi melibatkan diri dengan masalah tingkah laku (Mahadzirah, Morliyati, Ibrahim, & Mustafa, 2014). Oleh itu, kajian ini meneliti perkaitan antara aset perkembangan dan kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

Konsep aset perkembangan yang dibangunkan oleh *Search Institute* (2005) didapati mempunyai sumbangan signifikan terhadap penilaian kepuasan hidup yang lebih baik dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan. Berdasarkan kajian terdahulu aset perkembangan didapati mempunyai sumbangan positif kepada perkembangan remaja samada dari segi emosi, mental mahupun sosial (Valois, Zullig, Huebner, & Drane, 2009). Malah menurut *Search Institute* (2005) aset perkembangan merupakan pendekatan proaktif dalam membina ketahanan diri yang dilihat mampu mengurangkan kemungkinan remaja terlibat dalam tingkah laku ketidakfungsian eksternal.

Kesyukuran sebagai satu trait positif mempunyai pengaruh unik terhadap kepuasan hidup manusia (Wood, Joseph, & Maltby, 2009; Wood, Froh, & Geraghty, 2010; McCullough, Tsang, & Emmons, 2004). Kajian terdahulu mendapati kesyukuran merupakan indikator positif yang kuat kepada kepuasan hidup, di mana individu yang mempunyai tahap kesyukuran yang tinggi turut dilaporkan mempunyai skor kepuasan hidup yang tinggi (Emmons & McCullough, 2003). Sebagai tambahan kesyukuran juga dilaporkan mempunyai kesan pengantara yang kuat terhadap kepuasan hidup (Wood, Maltby, Gillett, Linley, & Joseph, 2008).

Permasalahan yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa kajian tentang kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu adalah penting untuk dijalankan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup remaja Melayu. Kajian ini meneliti remaja Melayu bersekolah dan berusia di antara 13 dan 17 tahun di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Johor, Kedah dan Kelantan. Kesemua negeri yang terpilih mempunyai bilangan remaja Melayu yang tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

Secara khususnya kajian ini telah dijalankan bagi menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap kepuasan hidup, aset perkembangan, (aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.
2. Apakah wujud perbezaan kepuasan hidup, aset perkembangan, (aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.

3. Adakah wujud perkaitan signifikan antara aset perkembangan (aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
4. Apakah peramal unik kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.
5. Apakah peranan kesyukuran dalam perkaitan antara aset perkembangan (aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Am

Kajian ini dijalankan untuk meneliti perkaitan antara aset perkembangan, (aset perkembangan keseluruhan dan sub konteks aset personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) kesyukuran dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.3.2 Objektif Khusus

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Memerihalkan latar belakang responden dan ibu bapa, aset perkembangan (aset perkembangan keseluruhan dan sub-konteks aset personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti), kesyukuran, dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.
2. Menentukan perbezaan kepuasan hidup, aset perkembangan, (aset perkembangan keseluruhan dan sub-konteks aset personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
3. Menentukan perkaitan antara aset perkembangan (aset keseluruhan, aset personal, aset sosial, aset keluarga, aset sekolah dan aset komuniti) dan kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
4. Menentukan peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.
5. Memeriksa peranan kesyukuran sebagai pengantara terhadap perkaitan antara aset perkembangan keseluruhan, aset personal, aset sosial, aset keluarga, aset sekolah, aset komuniti dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.4 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif khusus kajian, hipotesis kajian telah digubal seperti berikut:

1.4.1 Objektif 2: Menentukan perbezaan kepuasan hidup, aset perkembangan,(aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.

- Ha1: Terdapat perbezaan signifikan kepuasan hidup antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha2: Terdapat perbezaan signifikan aset perkembangan keseluruhan antara remaja lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
- Ha3: Terdapat perbezaan signifikan aset personal antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha4: Terdapat perbezaan signifikan aset sosial antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha5: Terdapat perbezaan signifikan aset keluarga antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha6: Terdapat perbezaan signifikan aset sekolah antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha7: Terdapat perbezaan signifikan aset komuniti antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha8: Terdapat perbezaan signifikan kesyukuran antara remaja lelaki dan perempuan Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.4.2 Objektif 3: Menentukan perkaitan antara aset perkembangan (aset perkembangan keseluruhan dan aset konteks personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti) dan kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

- Ha9: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset perkembangan keseluruhan dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha10: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset personal dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha11: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset sosial dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha12: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset keluarga dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha13: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset sekolah dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

- Ha14: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara aset komuniti dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha15: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara kesyukuran dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.4.3 Objektif 4: Menentukan peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung, Malaysia.

- Ha16: Semua pembolehubah terpilih (umur, tinggal bersama ibu bapa, tahap pendidikan bapa, pendapatan bapa, aset perkembangan keseluruhan, aset personal, aset sosial, aset keluarga, aset sekolah, aset komuniti dan kesyukuran) dalam model regresi adalah signifikan apabila disandarkan dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.4.4 Objektif 5: Memeriksa peranan kesyukuran sebagai pengantara terhadap perkaitan antara aset perkembangan dan kepuasan hidup.

- Ha17: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset perkembangan keseluruhan dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha18: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset personal dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha19: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset sosial dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha20: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset keluarga dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha21: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset sekolah dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Ha22: Kesyukuran adalah pengantara bagi perhubungan antara aset komuniti dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang melibatkan aspek kepuasan hidup dalam kalangan remaja bukan satu topik baru dalam gedung penyelidikan Malaysia. Namun kajian yang memfokuskan remaja Melayu sahaja sebagai subjek utama masih kurang dilakukan. Dalam era modenisasi masa kini remaja Melayu terdedah kepada pelbagai sumber yang mempengaruhi aspek kesejahteraan hidup mereka. Oleh yang demikian, adalah penting untuk meneliti kepuasan hidup remaja

Melayu bagi mendokumentasi maklumat tentang kepuasan hidup remaja Melayu dalam konteks semasa.

Hasil kajian membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai konsep kepuasan hidup dan perkaitannya dengan aset perkembangan dan kesyukuran, khususnya dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Melalui maklumat mengenai perkaitan aset perkembangan, kesyukuran dan kepuasan hidup remaja Melayu akan membantu mendalami serta mengukuhkan bidang kajian berkaitan dengan perkembangan remaja dengan maklumat yang lebih terkini.

Hasil kajian ini juga berpotensi sebagai input semasa dalam merangka dan menambah baik polisi dan program untuk pembangunan dan kesejahteraan remaja Melayu, di mana program berkenaan akan membantu untuk meningkatkan kesedaran remaja, ibu bapa, pendidik, dan ahli masyarakat tentang kepentingan aset perkembangan dalam menggalakkan kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Sebagai tambahan, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada para penyelidik di masa akan datang. Di mana, para penyelidik boleh mengembangkan isu kajian ini kepada satu skop yang lebih luas ataupun mengecilkan skop kajian dengan memfokuskan kajian kepada satu aspek yang lebih spesifik.

Secara praktisnya hasil kajian ini diharapkan mampu memberikan satu perspektif baru dalam memahami aspek kepuasan hidup berdasarkan bangsa dan budaya Melayu. Memahami secara mendalam faktor yang menyumbang kepada kepuasan hidup remaja Melayu dalam konteks kontemporari akan menyumbang dalam meningkatkan kualiti kepuasan hidup remaja Melayu di masa akan datang.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Kepuasan Hidup

Definisi konseptual: Kepuasan hidup didefinisikan sebagai penilaian kognitif seseorang terhadap kehidupan secara holistik berdasarkan kualiti tertentu kehidupan yang dimiliki seperti kekayaan, kejayaan akademik, keluarga, dan penghargaan sendiri (Myers & Diener, 1995).

Definisi operasional: Kepuasan hidup remaja merujuk kepada skor responden dalam skala *Student Life Satisfaction Scale* (SLSS) yang dibangunkan oleh Huebner (1991). Semakin tinggi skor yang diperoleh maka semakin tinggi tahap kepuasan hidup remaja Melayu.

1.6.2 Aset Perkembangan

Definisi konseptual: Aset perkembangan adalah peluang, kemahiran, hubungan, nilai-nilai, dan ciri-ciri positif yang diperlukan oleh golongan muda untuk membolehkan mereka mencapai matlamat berdasarkan kehendak norma semasa masyarakat (*Search Institute, 2005*).

Definisi operasional: Aset Perkembangan merujuk kepada skor responden dalam *Developmental Assets Profile* (DAP) yang mempunyai 58 item. Item ini boleh dikategori kepada lima subskala mengikut konteks iaitu aset personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti. Semakin tinggi skor responden menunjukkan semakin tinggi aset perkembangan (keseluruhan dan subskala) responden (*Search Institute, 2005*).

1.6.3 Aset Personal

Definisi konseptual: Aset personal mencerminkan kekuatan psikologikal dan tingkah laku individu seperti harga diri, kejujuran, bertanggungjawab, mampu menangani kekecewaan, mempunyai keazaman yang kuat, dan optimistik (*Search Institute, 2005*).

Definisi operasional: Aset personal merujuk kepada skor responden dalam sub-skala aset personal DAP. Semakin tinggi skor responden menunjukkan semakin tinggi nilai aset personal dalam diri responden (*Search Institute, 2005*).

1.6.4 Aset Sosial

Definisi konseptual: Aset sosial merujuk kepada aset yang berkaitan aspek hubungan sosial individu dengan individu lain seperti ibu bapa, individu dewasa dan rakan sebaya (*Search Institute, 2005*).

Definisi operasional: Aset sosial merujuk kepada skor responden dalam skala aset sosial yang mempunyai 13 soalan yang mengukur tahap hubungan sosial individu dengan individu lain. Skor yang tinggi menunjukkan aset sosial yang tinggi di mana responden mempunyai kemahiran hubungan sosial yang baik.

1.6.5 Aset Keluarga

Definisi konseptual: *Search Institute* (2005) mendefinisikan aset keluarga sebagai mempunyai persekitaran sistem keluarga yang selamat dan bahagia, hubungan komunikasi di antara ibu bapa dan anak yang baik, serta keluarga yang sentiasa menyokong di antara satu sama lain.

Definisi operasional: Aset keluarga merujuk kepada skor responden dalam subskala aset keluarga DAP yang mempunyai 10 soalan. Skor yang tinggi menunjukkan aset keluarga yang tinggi di mana wujud hubungan yang baik, mesra dan selamat dengan keluarga.

1.6.6 Aset Sekolah

Definisi konseptual: Aset sekolah didefinisikan sebagai aset yang berkaitan dengan persekitaran sekolah, hubungan dengan guru-guru, komitmen untuk belajar, dan sikap atau persepsi terhadap sekolah (*Search Institute*, 2005).

Definisi operasional: Aset sekolah merujuk kepada skor responden dalam subskala aset sekolah DAP yang mempunyai 10 item. Skor yang tinggi menggambarkan aset sekolah yang tinggi di mana kecenderungan untuk mengalami masalah disiplin, ponteng kelas, dan pencapaian akademik adalah rendah.

1.6.7 Aset Komuniti

Definisi konseptual: Aset komuniti didefinisikan sebagai mempunyai kejiwaan yang selamat, yang sentiasa mengambil berat antara satu sama lain, tolong-menolong, serta komuniti yang aktif mengamalkan aktiviti sihat seperti bersukan, acara keagamaan, dan program khidmat sosial (*Search Institute*, 2005).

Definisi operasional: Aset komuniti merujuk kepada jumlah skor responden dalam subskala aset komuniti DAP yang mempunyai 12 item. Skor yang tinggi menunjukkan aset komuniti yang tinggi di mana individu terdedah dengan persekitaran komuniti yang aktif dan aktiviti khidmat sosial yang tinggi.

1.6.8 Kesyukuran

Definisi konsepsual: Kesyukuran adalah satu tingkah laku atau perbuatan berterima kasih yang melibatkan respon emosi untuk mengeskpresikan penghargaan kepada individu mahupun kepada Sang Pencipta secara verbal atau bukan verbal (Emmons & Crumpler, 2000).


Definisi operasional: Kesyukuran merujuk kepada skor responden dalam *The Gratitude Questionnaire-Six Item Form* (GQ-6) yang dibangunkan oleh McCullough, Emmons, dan Tsang (2002). Skor tinggi menunjukkan tahap kesyukuran dan penghargaan yang tinggi dalam diri individu.

1.7 Latar Belakang Teori Kajian

Lindstrom Universal Quality of Life Model (1993) dan teori *Broaden-and-Build Positive Emotion* (Fredrickson, 2001) digunapakai sebagai panduan dalam menjalankan kajian tentang perkaitan antara aset perkembangan, kesyukuran dan kepuasan hidup remaja Melayu. Kedua-dua model dan teori ini bersesuaian dengan konteks semasa kajian yang berfokus kepada kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu dan aspek-aspek yang mempengaruhinya.

1.7.1 *Lindstrom Universal Quality of Life Model* (1993)

Model yang diguna dalam menjelaskan perkaitan antara aset perkembangan dengan kepuasan hidup adalah *Lindstrom Universal Quality of Life Model* (1993). Model kualiti kehidupan Universal Lindstorm merangkumi kedua-dua aspek penting yang dibincangkan dalam teori kualiti kehidupan iaitu objektif dan subjektif (Susniene & Jurkauskas, 2009). Model ini boleh diaplikasi secara individual mahupun berkumpulan dan sesuai dengan peringkat umur remaja. *Lindstrom Universal Quality of Life Model* (1993) mengetengahkan perspektif bahawa kualiti kehidupan diukur berdasarkan kepuasan individu secara berperingkat atau lapisan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Peringkat lapisan didefinisikan sebagai sumber yang mempengaruhi tahap kualiti kehidupan, di mana lapisan paling dalam dinyatakan sebagai aspek yang amat mempengaruhi atau meyumbang kepada individu dalam menilai kualiti kehidupan mereka. Terdapat empat lapisan utama lapisan pertama adalah lapisan paling luar iaitu global, diikuti eksternal, interpersonal dan personal. Beliau menambah, setiap lapisan tersebut adalah saling mempengaruhi, contohnya individu yang berpuas hati pada lapisan personal akan meningkatkan tahap kepuasan mereka pada lapisan interpersonal.



Rajah 1: Lindstrom Universal Quality of Life Model (1993)

1.7.2 Teori *Broaden-and-Build Positive Emotion* (2001)


Teori *Broaden-and-build positive emotion* turut digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan perkaitan antara kesyukuran dan kepuasan hidup. Teori *Broaden-and-build positive emotion* menjelaskan bahawa emosi positif mampu memberi motivasi kepada individu untuk mengembangkan, menguatkan dan membina kesan positif dalam diri individu (Fredrickson, 1998; Fredrickson, 2001). Individu yang terdedah dengan persekitaran sosial yang positif akan cenderung melahirkan emosi yang positif (Fredrickson, 2002). Di mana, emosi positif ini akan mempengaruhi dan meluaskan gaya pemikiran positif dalam pemikiran individu. Sebagai contohnya perasaan gembira membantu dalam mewujudkan pemikiran positif seterusnya memberi kesan persepsi positif terhadap kehidupan secara keseluruhannya (Lambert, Fincham, Stillman, & Dean, 2009).

1.7.3 Aplikasi Model dan Teori Dalam Kajian Semasa

Berdasarkan huraian di atas aplikasi bagi model dan teori tersebut ditunjukkan dalam kerangka teoritikal dalam Rajah 2. Aplikasi bagi *Lindstrom Universal Quality of Life Model* (1993) merujuk kepada peranan setiap lapisan dalam

meningkatkan tahap kepuasan hidup remaja. Meskipun begitu berdasarkan definisi aset perkembangan hanya 2 lapisan yang diaplikasi dalam kajian semasa ini iaitu interpersonal dan personal. Dalam kajian ini lapisan interpersonal dan personal merujuk kepada sub-konteks aset perkembangan dan kualiti kehidupan merujuk kepada kepuasan hidup. Kepuasan internal yang tinggi akan menyumbang kepada kepuasan dalam lapisan personal yang akan menyumbang dalam meningkatkan penilaian positif terhadap kehidupan. Hasilnya pengaruh positif daripada dua lapisan tersebut akan menyumbang dan mempengaruhi penilaian global kepuasan hidup remaja.


